

**GLOBALISATION OF ECONOMIC ACTIVITY AND
THIRD WORLD CITIES: A CASE STUDY OF KUALA
LUMPUR**

oleh *Morsidi Sirat dan Suriati Ghazali*, Percetakan Utusan
Publication & Distributors Sdn Bhd, 1999, 122 hlm.
(ISBN 967-61-0904-5)

*Aliakbar Gulasan**

Morsidi Sirat merupakan seorang Profesor Madya di Seksyen Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau mengajar bidang Perancangan Pembangunan Wilayah, Geografi Perkhidmatan dan Geografi Metropolitan Bandar, manakala Suriati Ghazali, merupakan seorang Pensyarah di tempat yang sama.

Buku ini telah diterbitkan pada tahun 1999 dan ia terbahagi kepada 8 bab. Buku ini begitu relevan dengan keadaan sekarang, yakni semasa persoalan globalisasi begitu kerap dibicarakan dan diperdebatkan dari pelbagai disiplin ilmu. Buku ini cuba memperlihatkan pengaruh globalisasi terhadap pembangunan dan pengurusan bandar, khususnya Kuala Lumpur. Dalam bab 1, penulis secara ringkas telah menerangkan konsep dan isu globalisasi. Menurut penulis, secara umumnya istilah globalisasi digunakan untuk menerangkan peningkatan kegiatan ekonomi yang melangkaui sempadan sesebuah atau pelbagai negara bangsa. Secara lebih jelas atau khusus, proses pengintegrasian pelbagai faktor seperti pengeluaran barangan dan perkhidmatan secara

* Aliakbar Gulasan ialah Pensyarah dan Penyelaras Program Geografi, Sekolah Sains Sosial, UMS.

besar-besaran. Semua ini terjadi hasil atau ekoran penstrukturan ekonomi dunia sejak 1970-an dan ini telah diikuti pula dengan perubahan-perubahan besar dalam proses pembangunan wilayah dan ruang serta bandar dan negara.

Bab 2 cuba memberikan konsep dan definisi globalisasi secara lebih meluas. Menurut penulis, secara umumnya globalisasi merujuk kepada dua aspek penting, iaitu pengecilan dunia dan juga peningkatan kesedaran terhadap dunia. Daripada sudut pandangan geografi, globalisasi merujuk kepada pertumbuhan yang terdapat di beberapa bahagian dunia yang kemudian berkembang menjadi struktur ekonomi dan kewangan yang bersifat global. Perubahan yang berlaku ke atas struktur ekonomi dunia pastinya akan mempengaruhi pembangunan atau ruang bandar. Ini tentu memerlukan perancangan dan pengurusan bandar yang khusus serta mengambil kira akan keperluan ekonomi global.

Sebenarnya buku ini hanya menfokus kepada Kawasan Perancangan Pusat (CPA) sahaja dan tidak kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur keseluruhannya. Dalam bab ini beberapa indikator berkaitan Kuala Lumpur telah diberikan bagi membolehkan kota itu diklasifikasikan sebagai sebuah kawasan yang terlibat secara langsung dengan proses globalisasi ekonomi. Di antara indikator yang dikemukakan termasuklah kewujudan cawangan firma-firma asing, kehadiran Organisasi Awam Antarabangsa, sama ada organisasi kerajaan atau bukan kerajaan, aktiviti perbankan berserta hasil pulangannya dan pasaran saham serta penggunaan untuk ruang komersil yang semakin ketara. Jika dilihat dari segi perancangan program-program pembangunan yang terdapat dalam bab 4, Dewan Bandaraya ingin merancang Kuala Lumpur menjadi sebuah 'Bandaraya pelbagai imej'. Beberapa program telah dikenalpasti bagi membolehkan tujuan ini dicapai. Pertamanya ialah pembinaan infrastruktur untuk masyarakat. Kedua ialah perancangan gunatanah. Buat masa ini hanya terdapat 30% sahaja kawasan tanah yang belum dibangunkan dan ini termasuklah tanah simpanan kerajaan, bekas lombong, kawasan setinggan serta perkampungan tradisional. Ketiga ialah pembangunan hirarki pusat. Pembangunan sedemikian itu adalah

bagi mengurangkan kesesakan di kawasan Daerah Perniagaan Pusat (CBD). Penulis mencadangkan supaya beberapa kawasan bandar lain disekitarnya seperti bandar Tun Razak, Damansara, Wangsa Maju dan Bukit Jalil dijadikan lokasi pilihan bagi aktiviti perniagaan dan komersil. Di samping itu pembinaan Putra Jaya juga dijangkakan akan memberi kesan positif kepada kegiatan yang berkaitan. Keempat ialah penyediaan pelan tempatan yang komprehensif bagi menjadi panduan setiap pembangunan yang hendak dijalankan. Kelima ialah pembangunan bagi kompleks-kompleks komersil dan bangunan-bangunan pejabat yang boleh didirikan di kawasan-kawasan perumahan mewah. Keenam ialah strategi bagi mempertahankan dan memulihara bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah.

Kedua-dua penulis ini tidak menafikan yang hasil daripada proses globalisasi ini akan membawa perubahan kepada lanskap bandar. Misalnya dalam bab 5 mereka menyatakan bahawa cadangan pembinaan lapangan terbang baru, kemudahan-kemudahan pelabuhan, jalanraya yang lebih banyak dan lebuh raya dan sebagainya semuanya akan meninggalkan impak. Segala pembangunan ini akan juga melibatkan pembinaan pelbagai 'bangunan pintar' yang mempunyai kemudahan-kemudahan terkini. Menurut penulis, sekarang ini terdapat dua belas 'bangunan pintar' di Kawasan Perancangan Pusat (CPA) Kuala Lumpur. Kawasan CPA ini dan Kawasan Segitiga Emas (GTA) juga telah menjadi tumpuan pelbagai perkhidmatan dan ini telah menyebabkan kesesakan yang agak ketara. Kawasan ini telah sesak dengan pejabat serta firma-firma perniagaan. Pembinaan bangunan pejabat dan bangunan komersil ini telah mengubah bentuk fizikal kawasan CBD. Bangunan-bangunan lama kini telah digantikan dengan bangunan-bangunan baru.

Dalam bab 6, penulis telah memberi tumpuan secara langsung kepada projek Kuala Lumpur City Centre (KLCC). KLCC dikatakan menjadi agenda utama YAB Dr. Mahathir demi menunjukkan kepada dunia bahawa ekonomi Malaysia telah menjadi semakin kukuh. Ia juga dikatakan sebagai lambang atau simbol untuk menjadikan Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. Dengan adanya sokongan padu daripada Dr. Mahathir sendiri, projek ini pasti akan

berjaya. Bab ini sebenarnya cuba memperlihatkan kepada pembaca bahawa kuasa boleh memainkan peranan dalam menjayakan program pembangunan. Kuasa yang dimaksudkan ini bukan sahaja yang melibatkan agensi-agensi tertentu tetapi juga kuasa yang ada pada individu tertentu. Menurut penulis, dari segi perancangan utamanya, reka bentuk bangunan tersebut haruslah sesuai dengan kebudayaan bandar dan juga kebudayaan Malaysia secara amnya. Untuk mendapatkan reka bentuk yang sesuai bagi bangunan atau menara KLCC maka satu pertandingan telah dianjurkan. Sebuah firma Amerika, Klages Carter Vail & Partners, Costa Mesa, California telah berjaya memenangi pertandingan tersebut. Sehubungan itu, penulis juga telah memberikan beberapa kesan pembinaan KLCC ini ke atas Kuala Lumpur. Antaranya ialah KLCC akan membawa satu lanskap moden, memperbaiki sistem atau rangkaian pengangkutan di sekitarnya dan boleh menarik lebih ramai orang kerana terdapatnya pejabat dan pusat perniagaan di bangunan tersebut. Memandangkan unjuran telah menduga yang masalah lalulintas akan berlaku di kawasan ini maka jalan bawah tanah, pelebaran jalan serta penaiktarafan jalan akan dilakukan. Ini semua dianggarkan menelan belanja lebih kurang RM100 juta. Selain itu sistem LRT juga akan dihubungkan dengan kawasan ini.

Krisis ekonomi global yang melibatkan Malaysia bermula pertengahan tahun 1997, secara tidak langsung telah juga memberi kesan kepada pertumbuhan bandar Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan dalam bab 7 projek-projek yang sudah dirancangan itu seperti Kuala Lumpur Linear City, Berjaya Star City, KL Gateway, Mid Valley City dan KL Sentral tidak dibatalkan. Namun begitu, pembinaannya terpaksa dijadualkan semula. Walau bagaimanapun, masalah yang dihadapi oleh Kuala Lumpur juga sebenarnya turut dihadapi oleh banyak bandar-bandar lain di dunia yang juga menghadapi masalah yang sama. Dalam bab terakhir (kesimpulan) para pemikir telah menekankan kesungguhan usaha kerajaan pusat untuk mengubah struktur fizikal bandar agar ia mempunyai identiti global. Semua ini tidak akan menjadi kenyataan sekiranya ekonomi wilayah tersebut tidak mantap. Saya berpendapat kedua-dua penulis telah berjaya memperlihatkan perubahan yang

berlaku ke atas kawasan kajian. Walaupun perubahan-perubahan ini sebenarnya agak sukar untuk diukur pada satu-satu masa tertentu tetapi penulis telah mengambil beberapa indikator seperti ruang, guna tanah serta perubahan struktur bangunan bagi kajian-kajian seperti ini sebenarnya sesuai dibaca oleh para penyelidik dari pelbagai disiplin ilmu seperti geografi, ekonomi, sosiologi, hubungan industri dan sebagainya. Saya merasakan buku ini akan lebih menarik jika dimasukkan teori atau model yang berkaitan antaranya ialah Model Zon Sepusat oleh Ernest W. Burgess (1925) dan Model Sektor oleh Homer Hoyt (1939).